

Kursus Pembangunan Diri Pelajar

Membantu Memotivasikan Diri

Oleh ; Nur Aimi Muslim

Pada 29 hingga 31 Januari 2010, Unit Kaunseling & Kerjaya, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Biro Tata Negara Perlis telah menganjurkan Kursus Pembangunan Diri Pelajar di Kem Bina Negara Balik Pulau, Pulau Pinang. Peserta kursus tersebut terdiri daripada 94 pelajar diploma dan Ijazah yang mendapat CGPA bawah 2.0 dalam peperiksaan semester yang lalu. Tujuan kursus tersebut dijalankan adalah untuk membantu memupuk semangat belajar para mahasiswa dalam menuntun ilmu disamping membantu memotivasikan diri mahasiswa dari aspek disiplin dan tingkahlaku serta sikap agar menjadi pelajar yang berjaya. Kursus Pembangunan Diri Pelajar ini telah dijalankan selama 3 hari. Dua orang pegawai pengiring iaitu Puan Nur Aimi Muslim dan Cik Azieda Azizan serta Encik Hafeez Nordin mengiringi peserta-peserta sepanjang kursus tersebut.

Pada hari pertama (29 Januari 2010), para peserta program diberikan taklimat oleh Urusetia BTN mengenai perjalanan kursus dan peraturan-peraturan sepanjang kursus yang perlu dipatuhi. Pada sebelah malam, slot ceramah yang pertama disampaikan oleh wakil BTN iaitu Cik Linda yang menekankan aspek kenegaraan dan jati diri peserta. Pada 30 Januari 2010, kursus tersebut dimulakan dengan Slot Ceramah ke-2 yang disampaikan oleh

Dekan Pengurusan Akademik yang memberikan motivasi dan berkongsi pengalaman bersama peserta. Sesi berikutnya yang terdiri daripada 3 slot motivasi dan personaliti telah dikendalikan oleh Encik Zulkipli Othman iaitu Pensyarah dan Kaunselor di Institut Perguruan Perlis. Pada hari terakhir iaitu 31 Januari 2010, para peserta kursus telah mengikuti program Kembara bersama Fasilitator dan Jurulatih-jurulatih daripada BTN di sekitar Kem. Selain itu, pengisian kursus ini juga menitikberatkan pengisian keagamaan kepada para peserta melalui kuliah subuh dan kuliah magrib.

Para peserta juga berpeluang melakukan riadah bersama-sama melalui aktiviti-aktiviti lasak yang dikendalikan oleh para jurulatih. Kursus yang telah dijalankan ini dilihat mampu menaikkan semangat para peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat CGPA bawah 2.0. Melalui program-program motivasi yang dijalankan, para peserta mula menunjukkan perubahan sikap dan tingkahlaku. Para peserta juga yakin untuk berucap di khalayak ramai dan ini juga menunjukkan peningkatan daripada aspek komunikasi antara mereka. Kursus tersebut diharapkan dapat membawa perubahan kepada para peserta untuk memperolehi keputusan yang lebih baik pada peperiksaan yang akan datang.

